

UPSI/PEND/220/3.1 (1)

10 Februari 2009
13 Rabiulqawal 1430H

SPP UPSI BIL. 3 TAHUN 2009

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y.Bhg. DatoqProf./Tuan/ Puan,

**CUTI GANTIAN KERANA BERTUGAS PADA HARI SABTU UNTUK PENSYARAH-
PENSYARAH YANG TERLIBAT MENGAJAR DI INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Bersama Jabatan Bil. 4/2008 bertarikh 3 Disember 2008 telah memutuskan pensyarah yang mengajar kursus Sarjana dan PhD pada hari Sabtu tidak lagi dipertimbangkan untuk mendapat kemudahan Cuti Gantian memandangkan ini merupakan salah satu daripada tugas hakiki pensyarah yang seharusnya lebih fleksibel memandangkan pensyarah tidak mengajar sepanjang 8 jam sehari dalam 5 hari bekerja biasa seminggu.

3. Walau bagaimanapun, sebarang tugas rasmi (kecuali kerja kursus, bengkel, seminar, persidangan atau konvensyen) adalah dibenarkan untuk digantikan dengan Cuti jika sekiranya tempoh tugas rasmi berkenaan melebihi lapan jam bekerja pada hari cuti Ahad dan cuti umum.

4. Pemakaian pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan dan Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 9 Tahun 2002 adalah dengan ini terbatal.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN”

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar

s.k.: YBhg DatoqNaib Canselor
Timbalan Naib Canselor (A&A)
Timbalan Naib Canselor (P&I)
Timbalan Naib Canselor (HEPA)